

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman**  
**[Indera Mahkota]**

**SOALAN : Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman**  
**[Indera Mahkota] minta MENTERI**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**  
**TANI menyatakan kesediaan**  
Kementerian mengkaji untuk menzahir  
dan menggalakkan tanaman kontan,  
termasuk padi, agar berskala komersial  
dengan matlamat ke arah  
mengeluarkan makanan asas yang  
mencukupi bagi negara dan sekaligus  
mengurangkan pergantungan kepada  
bahan-bahan makanan yang diimport.

## JAWAPAN

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sentiasa menggalakkan agar tanaman kontan diusahakan secara komersial dengan matlamat ke arah membantu mengeluarkan makanan asas yang mencukupi bagi negara dan sekaligus mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan makanan yang diimport. Antara projek-projek yang dilaksanakan di dalam RMKe-11 bagi tanaman kontan adalah seperti berikut :

- i. **Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan**  
Sehingga Disember 2016, seluas 1,260 hektar kluster tanaman kontan telah dibangunkan di Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu dengan melibatkan 588 orang petani. Jumlah pengeluaran yang dihasilkan adalah sebanyak 27,000 tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM27 juta.
  
- ii. **Peningkatan Hasil Padi Luar Jelapang Secara Mini Estet**  
Sebanyak RM12,650,000 telah diperuntukkan dari tahun 2014 hingga 2015 bagi melaksanakan Projek Mini Estet Padi Pertubuhan Peladang Secara Pengurusan Berpusat di seluruh negara melibatkan kawasan padi di Luar Jelapang seluas 6,828.58 hektar dengan bilangan

pesawah seramai 7,997 orang dan anggaran pengeluaran sebanyak 33,930.54 metrik tan bernilai RM40,716,648.

iii. **Pengeluaran Sayur-Sayuran**

Sebanyak RM4,710,000 telah diperuntukkan dari tahun 2014 hingga 2017 bagi melaksanakan Projek Pengeluaran Sayur-Sayuran Fertigasi dan Berkelompok melibatkan kawasan seluas 102.12 hektar dengan bilangan peladang seramai 270 orang dan anggaran pengeluaran sebanyak 63,353.54 metrik tan bernilai RM126,707,080. Tanaman sayuran yang diusahakan adalah seperti Fertigasi Cili, Cendawan, Timun, Terung dan lain-lain sayuran terpilih.

iv. **Pengeluaran Buah-Buahan**

Sebanyak RM5,670,000 telah diperuntukkan dari tahun 2014 hingga 2017 bagi melaksanakan Projek Pengeluaran Buah-Buahan Berimpak Tinggi melibatkan kawasan seluas 352.51 hektar dengan bilangan peladang seramai 2,162 orang dan anggaran pengeluaran sebanyak 58,018.76 metrik tan bernilai RM 116,037,520. Tanaman buah-buahan yang diusahakan adalah seperti Mangga Harumanis, Pisang Berangan, Nanas, Durian, Tembikai, Kelapa Matag dan lain-lain tanaman terpilih.

- v. **Pengeluaran Benih Berkualiti Pertubuhan Peladang**  
Sebanyak RM10,835,000 telah diperuntukkan dari tahun 2015 hingga 2017 bagi melaksanakan Projek Pengeluaran Benih Berkualiti melibatkan 46 buah Pertubuhan Peladang Kawasan untuk pengeluaran Pisang, Pembenihan Cendawan, Pengeluaran Sultur Nanas, Benih Kelapa Matag/Pandan, Benih Nangka, Pengeluaran Benih Padi Sah, Pengeluaran Anak Pokok Durian dan Benih Mangga Harumanis.